

HARI : RABU  
TARIKH : 9/10/2019  
M/SURAT : 26C

## Setuju subsidi bersasar

**Kuala Lumpur:** Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) bersetuju dengan cadangan kerajaan memberikan subsidi bersasar menerusi Program Subsidi Petrol (PSP) dan mahukan pelaksanaannya disegerakan.

Ketua Aktivis PPIM, Datuk Nadzim Johan berkata, paling penting subsidi itu diberikan kepada mereka yang memohon, namun perlu diteliti bagi mengelakkan penipuan dan penyelewengan.

"Satu kajian terperinci perlu dilakukan supaya tidak timbul keraguan atau salahguna, namun pemberian subsidi ini perlu disegerakan, jangan tunggu lama-lama," katanya ketika dihubungi, semalam.

Nadzim berkata, lebihan subsidi perlu dimasukkan ke dalam satu tabung khas untuk aktiviti yang membantu meningkatkan produktiviti rakyat.